



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PUSAT TRANSIT GELANDANGAN KUALA LUMPUR MENGUBAH LANDSKAP KEHIDUPAN GOLONGAN GELANDANGN DI IBU KOTA

KUALA LUMPUR, 27 Februari 2016 – YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak hari ini menyempurnakan Majlis Perasmian Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur di Jalan Pahang, Kuala Lumpur. Projek ini merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dalam merealisasikan pembinaan pusat transit gelandangan ini. Pihak SHARP Malaysia dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) turut bekerjasama dalam memastikan kebajikan golongan gelandangan ini terjamin dengan penyediaan barangan keperluan dan bantuan kewangan .

2. Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur ini dibina secara CSR di atas tapak seluas 1,319 meter persegi yang bermula pada Februari 2015 dan telah siap sepenuhnya serta mendapat *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) pada 28 November 2015. Pihak MRCB telah menyerahkan bangunan 3 tingkat ini sepenuhnya kepada DBKL pada 29 Januari 2016 mempunyai kemudahan asas meliputi ruang penginapan untuk 250 orang, bilik mandi, tandas, bilik dobi, ruang makan, tempat agihan makanan, surau yang berasingan bagi lelaki dan perempuan, bilik kaunseling, bilik kesihatan dan bilik simpanan barang bagi gelandangan yang mendaftar masuk. Pusat ini mula menerima kemasukan penghuni pada 10 Februari 2016.

3. Atas inisiatif CSR juga, SHARP Malaysia yang merupakan salah satu syarikat barangan elektrik terkenal telah memberikan sumbangan berupa barangan elektrik untuk digunakan oleh para penghuni Pusat Transit Gelandangan KL ini. Pihak pengurusan SHARP sendiri sangat menyokong usaha murni pihak kerajaan dalam menjaga kebajikan *homeless* yang selama ini tidak mempunyai tempat yang sesuai untuk mereka bermalam dan menjalani

kehidupan seharian di ibu kota. Atas dasar keprihatinan, SHARP telah menyediakan pelbagai barangan elektrik yang bernilai RM45,030.00 untuk kegunaan penghuni yang ditempatkan di sekitar kawasan pusat transit gelandangan ini.

4. PUNB turut memberikan sumbangan berbentuk wang tunai sebanyak RM20,000.00 untuk menampung kos operasi harian Pusat Transit Gelandangan KL ini. Ini termasuklah kos elektrik, air serta penyelenggaraan lain yang perlu ditampung secara bulanan. Bilangan penghuni yang telah mendaftar sehingga 26 Februari 2016 adalah seramai 141 orang iaitu 111 lelaki dan 20 wanita. Dari jumlah tersebut, 125 orang menginap di pusat ini dan selebihnya datang secara harian untuk menggunakan fasiliti dan mendapatkan makanan.

5. KWP telah menggubal satu garis panduan berhubung aktiviti penyediaan, pengagihan dan pemberian makanan oleh NGO's di Kuala Lumpur supaya aktiviti tersebut dapat dikawal dari aspek kebersihan dan keselamatan makanan. NGO's adalah diwajibkan untuk berdaftar dengan DBKL atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sekiranya mereka hendak menjalankan aktiviti berkaitan gelandangan. Pembinaan pusat ini secara tidak langsung akan dapat menyelaraskan dan mengawal selia aktiviti yang dijalankan oleh NGO's terhadap golongan gelandangan di Kuala Lumpur termasuk pengagihan dan pemberian makanan agar lebih teratur bagi mengelakkan pembaziran makanan yang disediakan serta dapat mengawal kebersihan persekitaran.

6. Kaedah pengurusan pusat transit gelandangan ini dibahagikan kepada dua (2) fasa iaitu fasa I adalah untuk tempoh 5 bulan pertama dari Februari hingga Jun 2016 yang dikendalikan oleh satu pasukan sementara secara pinjaman daripada Yayasan Kebajikan Negara (YKN), DBKL, RELA, Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) dan Kaunselor. Bagi Fasa II pula, struktur pentadbiran kekal dan pelantikan pengelola atau ketua operator akan dibuat melalui kaedah *Request For Proposal* (RFP) berdasarkan Terma Rujukan (TOR) dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang sedang dimuktamadkan oleh pihak KWP. Inisiatif KWP dalam mewujudkan pusat sehati ini adalah langkah yang baik dengan menyediakan penginapan sementara kepada golongan gelandangan dan seterusnya berusaha menyalurkan mereka kepada perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh agensi kerajaan serta pihak-pihak lain mengikut keperluan dan kesesuaian mereka, termasuk peluang-peluang pekerjaan.

Disediakan oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat, KWP
27 Februari 2016